

# 15 pelajar UTHM sertai Program Titian Integriti tiga hari di daerah Muar

24  
30/11/07

**M**UAR: Program Titian Integrasi Peringkat Negeri Johor 2007 dipenuhi dengan acara lawatan muhibah siswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, selama tiga hari ke daerah ini, bermula Sabtu lalu.

Seramai 15 peserta termasuk 10 wanita, masing-masing 14 dari Sabah dan seorang dari Johor menyertai program berkenaan.

Program anjuran bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional negeri serta Pejabat Perpaduan Daerah menjadikan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Jalan Datuk Kosai, Bakri, di sini, sebagai tuan rumah bagi menjayakan kegiatan itu.

Pegawai perpaduan Daerah, Mohd Rumsani Abdul Rahman, berkata kunjungan siswazah dari Sabah ke daerah ini dapat mengeratkan lagi persefahaman dan perhubungan antara kaum serta etnik di Semenanjung dengan negeri Di Bawah Bayu itu.

"Matlamat Program Titian Integrasi bertujuan memberi peluang penuntut pusat pengajian tinggi meningkatkan pengetahuan dan pengamalan mengenai adat dan resam hidup yang men-

jadi amalan seharian masyarakat di luar bandar.

"Pembabitn mereka dalam kegiatan harian penduduk melalui skim anak angkat sepanjang acara program itu turut mengukuhkan lagi integrasi nasional dan perpaduan kaum di negara ini," katanya berucap mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Abong, Datuk Dr Haris Salleh, melancarkan program berkenaan, di Pusat Kegiatan KRT Jalan Datuk Kosai, Bakri, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi KRT, Shalihuddin Abas; Pengerusi Jiran Usia Emas, Ngabiah Ngadun; Pengerusi Jiran Muda, Azli Ngabiah dan Ketua Jiran Wanita, Mariam Ibrahim.

Sementara itu, Shalihuddin berkata, sepanjang program itu peserta menyertai pelbagai acara termasuk dalam bidang kebudayaan dan kesenian, sukan dan rekreasi.

Beliau berkata, mereka juga berpeluang meninjau kegiatan masyarakat di daerah ini termasuk dalam bidang pertanian, perusahaan dan pembuatan.

"Sepanjang program peserta dibawa meninjau tempat menarik termasuk pusat perkemahan dan perkampungan Orang Asli di Lenga," katanya.



**CARI PENGALAMAN:** Ngabiah (kiri) bersalaman dengan seorang siswazah pada majlis penyerahan anak angkat sempena Program Titian Integrasi Peringkat Johor 2007 di Muar, kelmarin.